

# Pengurusan UMSKAL ceriakan Tahfiz Merinding

UB 2.8.2014 94



LABUAN: Pengurusan Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) mencerikan pelajar Tahfiz Sri Merinding, di Kampung Merinding, baru-baru ini.

Rombongan UMSKAL yang diketuai oleh Penolong

Bendahari, Anuar Abdullah menyampaikan sumbangan berupa barang keperluan harian kepada pelajar tahfiz berkenaan.

Beliau yang mewakili Pengarah UMSKAL, Prof. Madya Dr. Ismail Ali berharap sumbangan itu dapat meringankan beban pengurusan tahfiz untuk mengendalikan pelajar-pelajarnya.

Anuar juga yakin melalui sumbangan itu hubungan dua hala antara kedua-dua pihak dapat dieratkan dan diteruskan pada masa akan datang.

**ANUAR (kanan) menyampaikan sumbangan kepada Pengetua Tahfiz Sri Merinding sambil diperhatikan kakitangan UMSKAL (kanan) dan pelajar tahfiz.**